



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

APRESIASI SENI DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL SEBAGAI USAHA MENINGKATKAN MINAT PELAJAR TERHADAP PENDIDIKAN SENI VISUAL DI PERINGKAT MENENGAH RENDAH



05-4506832

ROSLAINI BINTI MOHD SAAD

PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



APRESIASI SENI DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL SEBAGAI
USAHA MENINGKATKAN MINAT PELAJAR TERHADAP
PENDIDIKAN SENI VISUAL DI PERINGKAT
MENENGAH RENDAH

ROSLAINI BINTI MOHD SAAD



KAJIAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN ADALAH BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN



ptbupsi

FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006





PENGAKUAN

Saya mengakui kajian ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.




7 APRIL 2006



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi


.....
ROSLANI BINTI MOHD SAAD
M20041000231





PENGHARGAAN

**Syukur ke hadrat Illahi kerana limpah kurniaNYA,
Maka dijanjikan aku berkelana di muka bumi ini,
Mencari ilmuNYA.**

**Berbekal Semangat dan Pengorbanan dari suami tercinta
KamarulBahrim b. Abdullah Zazawi,
Anak-anak yang dikasihi ,
Fakrur Razi, Fauzan Hakim, Faiz Bukhari dan Farizh Haiqal.**

**Bersama restu dan doa Abah dan Emak yang disanjung,
Haji Mohd. Saad bin Ismail dan Hajah Habsah bt Mat,**

**Kritikan dan Bimbingan dari Penyelia,
Encik Johari bin Ab. Hamid**

**Nasihat dan Tunjuk Ajar dari Pensyarah-Pensyarah,
Prof. Dr. Ahmad Suhaimi bin Nor,
Prof. Madya Tn. Hj. Iberahim b. Hassan
Prof. Dr. Tjepjep Rohendi,
Prof. Dr. Rajendran
En. Roskang b, Jailani
En. Hassan b. Ghazali**

**Bantuan dan Kerjasama dari
Pengetua-pengetua dan
Guru Pendidikan Seni Visual, SMK. Wira Jaya, Ipoh dan
SMK. Raja Chulan, Ipoh**

**Dorongan dan Galakan rakan-rakan seperjuangan,
Norshidah, Khalijah, Halijah, Adibah, Suhana, Ibu Lenny, Satariah, Othman, Manaf dan
semua yang sama-sama mengharungi kepayahan dan kesukaran.**

**Terima Kasih Semua
Budi Baik dan Jasa Kalian Tetap ku Kenang
Sepanjang Hayat ini.**

Tanpa Kalian Impian ini tak mungkin dapat jadi kenyataan..!!!





ABSTRAK

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji bagaimana aktiviti-aktiviti Apresiasi Seni dalam Pendidikan Seni Visual boleh meningkatkan minat pelajar-pelajar menengah rendah iaitu dari tingkatan satu hingga ke tingkatan tiga terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Kajian ini juga ingin melihat faktor-faktor yang boleh mempengaruhi minat pelajar seperti kaedah pengajaran dan pembelajaran, aktiviti pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni dan alat bantu mengajar yang digunakan. Ia juga melibatkan kajian terhadap peranan guru dan hubung kait di antara faktor persekitaran seperti latar belakang ibu bapa, kawan-kawan, persekitaran sekolah, bilik seni dan juga media-media seperti komputer dan sebagainya. Metodologi kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan tinjauan ke sekolah-sekolah, iaitu SMK. Wira Jaya, Ipoh, dan SMK. Raja Chulan, Ipoh. Penyelidikan melibatkan pemerhatian, temubual dan juga rakaman visual. Pemerhatian dilakukan terhadap proses Pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru di bilik darjah. Iaitu melibatkan aktiviti-aktiviti apresiasi seni yang dijalankan, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru, alat bantu pengajaran yang digunakan dan penyediaan mengajar oleh guru. Pemerhatian juga dilakukan untuk melihat persekitaran sekolah dan bilik seni atau bilik darjah yang digunakan. Manakala temubual pula dilakukan terhadap dua orang guru dan empat orang pelajar. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan antara cara yang digunakan oleh guru dan usaha untuk menarik minat pelajar-pelajar ini. Iaitu melalui penggunaan alat bantu mengajar yang berkesan, kaedah penyampaian guru, aktiviti-aktiviti yang dijalankan, latar belakang pelajar serta persekitaran sekolah. Implikasi dapatan kajian mencadangkan agar pihak sekolah dan guru-guru Pendidikan Seni Visual menggunakan kaedah yang lebih menarik minat pelajar seperti penggunaan multimedia, dan guru lebih peka dengan latar belakang dan keadaan pelajar agar dapat meningkatkan minat pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual.





ABSTRACT

APRECIATION OF ART IN ART EDUCATION AS A WAY TO INCREASE INTEREST OF LOWER SECONDARY SCHOOL STUDENTS TOWARDS ART EDUCATION.

Then main purpose of this study is to look how appreciation of art can help to increase interest of lower secondary school students, that is form 1 to form 3, towards art education. This study is to look at the factors that influence students' such as teaching aids, teaching tools and teaching and learning activities. This involve the study of teachers guide, influence of enviroment such as family, peer groups, school environment, art room and media like computer and others. Methodology of this research is qualitative research which involves going to the field and takin notes of what is going on during research. School that involve with the research are SMK.Wira Jaya, Ipoh and SMK. Raja Chulan, Ipoh. Research is done by observation, conducting interviews and taking photos. Observation is to see how the process of teaching and learning and activities of art appreciation is done by the teacher, method of teaching, teaching tools and teacher's preparation. School environment and the art room are also noted. Meanwhile, interviews involve 2 teachers and 4 students. The result shows that there are connections between method of teaching, teaching aids and tools, teaching and learning activities and students' enviroment to help increase interest of students towards art education. The Impact of the study is to suggest art teachers and school principals to use method that can increase interest of students' such as multimedia and teachers be more sensitive with students' background.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	i.
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
 BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar belakang Kajian	1
1.2. Permasalahan Kajian	6
1.3. Tujuan Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.5.1 Guru Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual.....	11
1.5.2 Pihak Sekolah	12
1.5.3 Kementerian Pelajaran Malaysia	12
1.5.4 Penyelidik Lain	12
1.6 Batasan Kajian	13
1.7 Definisi Istilah	13
1.7.1 Singkatan dan Istilah	13
1.7.2 Definisi Istilah	14
1.8 Kesimpulan	17
 BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Pengertian dan Konsep Apresiasi Seni	18
2.3. Apresiasi Seni dalam Pendidikan Seni Visual	21
2.4. Konsep Minat Pelajar terhadap Pelajaran	25
2.5. Kerangka Teori	27





2.5.1. Teori Perlaziman Klasik John B. Watson	28
2.5.2. Teori Pembelajaran Kognitif Piaget	29
2.5.3 Teori Pembelajaran Humanistik	31
2.5.4. Teori Perkembangan Emosi	32
2.6 Konsep Persekitaran	33
2.7 Kesimpulan	34

BAB 3 : METODOLOGI

3.0 Pengenalan	35
3.1 Reka Bentuk Kajian	36
3.2 Fokus Kajian	36
3.3 Sample Kajian	37
3.4 Lokasi Kajian	37
3.5 Pengumpulan Data Kajian	38
3.6 Matrik Pengumpulan Data	40
3.7 Panduan Penyelidikan	41
3.7.1 Panduan Pemerhatian	41
3.7.2 Panduan Temu bual	42
3.7.3 Panduan Pengumpulan Dokumen	42
3.7.4 Panduan Rakaman Visual	42

BAB 4 HASIL PENYELIDIKAN

4.0 Pengenalan	43
4.1 Analisis Data	45
4.1.1 Apakah Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang digunakan oleh Guru Pendidikan Seni Visual untuk Meningkatkan Minat Pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual.	45





4.1.1.1	Hasil Pengumpulan dokumen	45
4.1.1.2	Hasil Pemerhatian	51
4.1.2	Bagaimanakah guru Memainkan Peranan Semasa Proses Apresiasi Seni dalam Usaha Meningkatkan Minat Pelajar.	56
4.1.2.1	Hasil Temu bual	56
4.1.3	Apakah Alat Bantu Yang digunakan Oleh Guru dan Bahan-Bahan Pengajaran yang digunakan oleh Guru Semasa Melaksanakan Aktiviti Apresiasi Seni dalam Usaha meningkatkan Minat Pelajar?	58
4.1.3.1	Hasil Pemerhatian	58
4.1.4	Bagaimanakah Pengajaran dan Pembelajaran Apresiasi Seni boleh merangsang Minat Pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual?	60
4.1.4.1	Hasil Temu bual Dengan Pelajar	60
4.1.4.2	Hasil Temu bual Dengan Guru	63
4.1.4.3	Hasil Pemerhatian	66
4.1.5	Adakah Persekitaran iaitu Sekolah, Keluarga, Rakan Sebaya dan Media Massa berperanan meningkatkan Pengetahuan dan Minat Pelajar?	69
4.1.5.1.	Hasil Pemerhatian	69
4.1.5.2.	Hasil Temu bual dengan pelajar	71
4.1.5.3.	Hasil Temu bual dengan guru	75

BAB 5. KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	77
5.1	Kesimpulan 1	78



5.2	Kesimpulan 2	79
5.3	Kesimpulan 3	79
5.4	Kesimpulan 4	80
5.5	Kesimpulan 5	81
BAB 6.	SARANAN-SARANAN.	83
6.0.	Pengenalan	83
6.1	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Apresiasi Seni	83
6.2	Saranan Mengenai Guru Pendidikan Seni dan Pihak Pentadbir	85
6.3	Saranan Mengenai Teknik dan Penggunaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran	86
6.4	Saranan Mengenai Aktiviti-Aktiviti Yang Boleh Meningkatkan Minat Pelajar	87
6.5	Saranan Mengenai Bilik Seni/Bengkel Seni dan Persekitaran Sekolah.	89
6.6	Saranan Mengenai Peranan Ibu bapa Bagi Meningkatkan Minat pelajar	89
6.7	Kesimpulan	90
BAB 7	PENUTUP	91

DAFTAR RUJUKAN

LAMPIRAN



SENARAI RAJAH

Muka surat

- | | |
|--|----|
| 1. Gambar Rajah 1 - Contoh lakaran oleh Guru | 51 |
| 2. Gambar Rajah 2 - Contoh lakaran oleh Guru | 51 |





SENARAI GAMBAR

Muka Surat

1. Gambar 1 - Contoh Arca yang digunakan oleh guru B di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. 53
2. Gambar 2 - Contoh arca berfungsi yang ditunjukkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. 54
3. Gambar 3 - Lanskap di hadapan pejabat sekolah B 70
4. Gambar 4 - Bilik seni terdapat di tingkat 4 bangunan ini. 70
5. Gambar 5 - Pintu masuk ke sekolah Lampiran 1
6. Gambar 6 - Sudut Ko-Kurikulum. Mural dihasilkan oleh Persatuan Sejarah dan Geografi. Lampiran 1
7. Gambar 7 - Mural pada dinding melindungi stor (tandas lama yang telah diubah suai). Lampiran 1
8. Gambar 8 - Mural di bangunan blok A dihasilkan pada tahun 1998 oleh guru pelatih. Lampiran 1
9. Gambar 9 - Pelan kedudukan bangunan dan bilik-bilik utama di bahagian hadapan sekolah. Lampiran 1
10. Gambar 10 - Papan 'count down' hari peperiksaan awam di bahagian hadapan sekolah Lampiran 1
11. Gambar 11 - Sudut rehat di belakang blok A bersebelahan dengan surau kelihatan mural di dinding dengan corak kelarai. Lampiran 1
12. Gambar 12 - Pandangan di hadapan asrama puteri. Terdapat lanskap dan hiasan mural pada dinding blok. Lampiran 1
13. Gambar 13 - Tandas lama yang diubah suai menjadi studio Pendidikan Seni Visual Lampiran 1





14. Gambar 14 - Mural yang dihasilkan ada tahun 2000, berhadapan Dengan tempat perhimpunan. Lampiran 1
15. Gambar 15 - Papan tanda iklan dalam kawasan sekolah, laluan Masuk ke sekolah. Lampiran 1
16. Gambar 16 - Papan tanda 'Zon Larangan Merokok' Lampiran 1
17. Gambar 17 - Pandangan pintu hadapan sekolah B Lampiran 1
18. Gambar 18 - Lanskap di hadapan bangunan/tangga ke pejabat Sekolah. Lampiran 1
19. Gambar 19 - Pancuran air di antara dua blok bangunan Lampiran 1
20. Gambar 20 - Mural anti dadah oleh guru pelatih Lampiran 1
21. Gambar 21 - Rukun Negara di hadapan dinding mengadap Kantin. Tiada corak menghiasi. Lampiran 1
22. Gambar 22 - Mural di laluan hadapan makmal sains Lampiran 1
23. Gambar 23 - Mural Kerana Mu Malaysia Lampiran 1
24. Gambar 24 - Banyak ruang kosong yang boleh dihiasi Lampiran 1
25. Gambar 25 - Corak ukiran menghiasi tepi tangga naik ke pejabat. Lampiran 1
26. Gambar 26 - Kawasan Kantin hanya dihiasi pokok hiasan Lampiran 1
27. Gambar 27 - Sudut berita hanya ditampal surat khabar terkini Lampiran 1
28. gambar 28 - Mural di bahagian hadapan sekolah, warnanya telah pudar. Lampiran 1





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang Kajian

Pendidikan Seni Visual adalah merupakan salah satu mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah. Oleh yang demikian, Pendidikan Seni Visual tidak terkecuali dalam mencapai hasrat dan matlamat pendidikan sebagaimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) iaitu mengembangkan potensi dan mutu peribadi secara menyeluruh dan bersepadu melalui perkembangan daya intelek, keupayaan berfikir secara kreatif dan kritis dan kepekaan dalam membuat persepsi terhadap sesuatu fenomena.

Pendidikan Seni Visual adalah merupakan satu bentuk pendidikan yang bersistem, terancang dan prestasinya juga dinilai bagi memenuhi keperluan individu. Keperluan individu ini dapat dicapai melalui aktiviti seni yang melibatkan pengetahuan dan kemahiran. Menurut Eisner (1967) dalam Iberahim Hassan (2003), pembelajaran seni bukanlah boleh diperolehi secara automatik seiring dengan kematangan sebaliknya boleh dipupuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran.





Manakala menurut Abd. Rahim (1997) dalam Iberahim Hassan, Hassan Mohd. Ghazali dan Jamilah Omar (2000) menyatakan, pembelajaran memerlukan usaha, tetapi usaha ini akan meningkat jika pembelajaran tersebut menarik dan dapat menjana minat pelajar. Oleh yang demikian, usaha ke arah meningkatkan keupayaan pengajaran yang lebih berkesan harus diberi perhatian.

Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Hishamuddin Bin Tun Hussein Onn, menyeru golongan guru supaya lebih kreatif dalam kaedah pengajaran mereka. Ini agar dapat 'menangkap' dan mengukuh minat para pelajar. Sementara itu, Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat pula berpendapat, Kementerian Pelajaran perlu menyediakan kursus motivasi kepada guru bagi membolehkan mereka mendapat inspirasi baru dan lebih kreatif menyediakan program menarik minat pelajar.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Norhayati Mohd Saad (2005), di sebuah sekolah di Kedah, mendapati minat pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual adalah seperti berikut: Sangat Setuju - 3 (7.5%), Setuju - 29 (72.5%), Tidak Setuju - 7 (17.5%), Sangat Tidak Setuju - 1 (2.5%). Ini jelas menunjukkan, tidak 100% pelajar yang benar-benar meminati mata pelajaran ini di dalam sesebuah kelas yang diajar. Hanya 31 dari 40 orang pelajar ini yang berminat, manakala selebihnya tidak berminat. Oleh yang demikian, perlu ada satu usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan minat pelajar-pelajar ini mempelajari Pendidikan Seni Visual.

Persoalannya, bagaimanakah dapat kita membina rasa minat yang mendalam ini kepada pelajar terutamanya dalam mempelajari Pendidikan Seni Visual? Bak perpatah kata Melayu '*Tak Kenal Maka Tak Cinta*', apresiasi seni dilihat sebagai satu kaedah yang amat berkesan untuk menyemai rasa cinta pelajar kepada seni. Mendedahkan pelajar supaya menghargai dan menyintai seni sekali gus dapat memahami seni seawal tingkatan satu (bagi sekolah menengah) memerlukan satu





pendekatan yang melibatkan bukan sahaja emosi mereka malah dari sudut psikologi dan motivasi.

Dalam kajian ini, penyelidik ingin melihat apakah aktiviti yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni di dalam Pendidikan Seni Visual, sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan minat pelajar menengah rendah (tingkatan satu, dua dan tiga), terhadap mata pelajaran ini. Antara perkara-perkara lain yang ingin ditinjau oleh penyelidik ialah peranan guru, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru, aktiviti-aktiviti apresiasi seni yang dijalankan, bahan bantu pengajaran yang digunakan dan pengaruh persekitaran kepada pelajar. Seperti rakan sebaya, keluarga, persekitaran rumah dan sekolah juga media massa seperti komik, permainan komputer, dan televisyen.

Dalam Pendidikan Seni Visual, apresiasi seni dipandang sebagai satu aspek yang penting. Penulis, pelukis dan pengkritik seni tanah air Dr. Zakaria Ali (1989), menyatakan bahawa penghargaan atau apresiasi seni adalah satu latihan yang memerlukan penglibatan sepenuhnya deria pandang dan sentuh. Objek-objek seni seperti catan dan cetakan menggunakan deria pandang sebaliknya objek-objek seperti arca dan kraf melibatkan deria sentuh. Bagi memulakan apresiasi seni penghayat mestilah memahami objek seni itu sendiri. Menghayati dan mengkritik sesuatu karya seni memerlukan disiplin yang khusus yang boleh mematangkan pemikiran pelajar sekali gus akan melahirkan rasa cinta dan menghargai terhadap kerja seni.

Mohd. Johari Ab. Hamid (2004) dalam bukunya, *Falsafah dan Kritikan Seni*, menyatakan, bagi memulakan apresiasi seni, penghayat mestilah memahami akan objek seni itu sendiri. Peranan kita sebenarnya adalah sebagai pemerhati ialah untuk melihat karya seni itu, bagaimana ia dihasilkan, tema dan permasalahan, sebab dan penyebabnya, cabaran yang dihadapi dan lain-lain lagi. Manakala, Ibrahimi





Hassan dan Md. Nasir Ibrahim (2003) menyatakan, apresiasi seni adalah disiplin intelektual dan emosi mencabar yang membawa kepada penyepaduan sejarah seni, psikologi seni dan estetika.

Jelas di sini, dalam aktiviti apresiasi seni, pelajar akan diperkenalkan dengan artifak atau objek seni yang ingin diajar, misalnya arca. Pelajar akan diminta mengapresiasi artifak tersebut dari kaca mata mereka. Sama ada bentuk, saiz, teknik digunakan, bahan yang digunakan dan lain-lain. Sekali gus, pelajar akan menyentuh dan merasai objek tersebut dan mengamati bentuk objek dari perbagai sudut. Ini akan merangsang kognitif dan daya berfikir pelajar dengan pelbagai persoalan dan mencetuskan kemahiran berfikir bagi pelajar. Emosi pelajar pula akan dirangsang dengan perasaan ingin tahu, keinginan untuk meneroka dan memahami objek dengan lebih lanjut. Seterusnya akan menyemai perasaan suka dan menghargai terhadap objek atau sebaliknya.



Ibrahim Hassan dan Md. Nasir Ibrahim (2003), menyatakan pengajian sejarah seni membolehkan murid-murid membina asas bagi membuat penilaian tentang seni, karya seni mereka, seni orang lain dan budaya di luar pengalaman harian mereka. Spencer (1988), Markle (1991), Finegan (1991) dalam Ibrahim Hassan, Hassan Mohd. Ghazali dan Jamilah Omar (2000) menyatakan, pembelajaran yang menggunakan kaedah interaksi pelajar dan bahan adalah lebih berkesan dan sistematik kerana pengajaran dan pembelajaran merupakan bentuk komunikasi dua hala.

Guru pula berperanan menerangkan sejarah, teknik dan faktor-faktor yang berkaitan dengan objek. Sebagaimana dalam Ibrahim Hassan dan Md. Nasir Ibrahim (2003), guru berperanan sebagai pengkritik dan mentor serta bertindak sebagai wakil masyarakat, pemerhati dan pembeli. Secara idealnya guru seni menjalankan





tugas mereka sehingga anak murid menjiwai makna iaitu sehingga mereka memahami kepentingan seni dalam masyarakat, membuat pengamatan peribadi dan menilai seni.

Guru berperanan menaikkan semangat dan minat murid-murid pada seni. Dalam strategi pengajaran, motivasi adalah kunci utama guru seni. Kritikan dan pendapat guru seni amat penting bagi memotivasikan murid-murid menjadi lebih kreatif menghasilkan seni. Ini adalah cara mewujudkan suasana ceria dan sekali gus menarik minat murid-murid (Md. Nasir Ibrahim dan Iberahim Hassan (2003)).

Pada peringkat usia 12 hingga 15 tahun bagi pelajar menengah rendah, apresiasi seni dapat merangsang kognitif, emosi dan psikomotor pelajar. Ini adalah bersesuaian dengan proses perkembangan pembelajaran dan perkembangan psikologi pelajar. Iberahim Hassan dan Jamilah Omar (2004) menyatakan, penglibatan dalam kegiatan seni bukan sahaja menyentuh perasaan, estetika atau daya kreatif seseorang tetapi melalui penajaman daya intuisi persepsi dan konsepsi.



Mengkaji tentang pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni pada pelajar menengah ini sekali gus akan membawa kita kepada persekitaran atau lingkungan di mana pelajar ini dibesarkan. Bagaimana pengaruh ibu bapa, latar belakang keluarga, masyarakat sekitar dan sosial-ekonomi keluarga dapat membantu pelajar ini bagi menghayati seni dan memberi tanggapan terhadap seni. Setiap satu aspek ini akan memberi kesan terhadap penghayatan seni pelajar dengan sokongan-sokongan material dan suasana dalam rumah akan memberi satu dimensi baru pemikiran tentang seni. Pengalaman-pengalaman ibu bapa dan masyarakat persekitaran tentang seni sedikit sebanyak akan mengubah dan mencorak cara berfikir pelajar-pelajar ini.

Kajian ini diharap dapat membantu guru-guru Pendidikan Seni Visual meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni dan dapat meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran ini. Ia juga bagi mengenal pasti





kaedah pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni yang paling sesuai untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah serta untuk menyusun strategi dan perancangan baru dalam bentuk bahan bantu dan corak pengajaran yang berkesan. Ini bagi membolehkan usaha-usaha yang berterusan di dalam memupuk minat, kemahiran dan kematangan pelajar menerusi pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni. Semoga kajian ini boleh membuka satu dimensi metodologi pengajaran seni yang lebih relevan sesuai dengan perkembangan teknologi pengajaran masa kini

1.2 Permasalahan Kajian

Faktor utama mendorong saya untuk membuat kajian mengenai permasalahan ini adalah kerana wujudnya beberapa isu dalam senario pendidikan hari ini seperti ponteng, buli dan sebagainya. Ini adalah didorong oleh beberapa faktor lain misalnya, kemerosotan minat pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar.

Pendidikan Seni Visual juga tidak terkecuali menghadapi masalah yang sama.

Dalam satu tinjauan yang dijalankan di kalangan pelajar oleh Prof. Madya Haji Iberahim Hassan pada tahun 2000, mendapati sebahagian dari tanggapan mereka bahawa Pendidikan Seni Visual:

- Tidak memberi faedah
- Membosankan kerana belajar benda yang sama dari sekolah rendah hingga sekolah menengah (sekolah yang tertentu)
- Pelajaran menyeronokkan jikalau guru menyediakan pelajaran yang baru dan mencabar (sekolah yang tertentu)
- Tiada peperiksaan, tidak perlu belajar
- Tidak diajar prosedur, buat sahaja ikut rasa hati lepas itu hantar kepada guru (menggambar / lukisan)





(Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual 2000)

Tanggapan-tanggapan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kemerosotan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni. Ini diperkukuhkan lagi oleh satu soal selidik yang dijalankan oleh Norhayati Mohd Saad (2005) terhadap 40 pelajar di sebuah sekolah di Kedah. Kajian beliau menunjukkan hanya 3 orang sahaja yang sangat setuju meminati Pendidikan Seni Visual, 29 bersetuju manakala 7 tidak setuju dan 1 sangat tidak setuju.

Lansing (1971) dalam Iberahim Hassan (2000) menyatakan matlamat dan objektif Pendidikan Seni sebagai,

*".....to reach educational objective through art,
however a person must make and appreciate art.
Thus the major goal of art education is the
production of artists and connoisseurs"*

Beliau yakin untuk mencapai objektif pendidikan menerusi seni seseorang itu perlu berkeupayaan untuk menghasilkan dan menghargai seni. Matlamat utama Pendidikan Seni Visual adalah untuk melahirkan seniman dan peminat seni. Ini bererti, dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, pelajar bukan sahaja diajar secara teknikal kemahiran-kemahiran melukis dan membuat kraf, tetapi pengajaran dan pembelajaran itu sepatutnya menjadikan pelajar itu bertambah minat dengan penghasilan-penghasilan kerja seni dan menghargai kerja-kerja seni tersebut. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Prof. Madya Haji Iberahim Hassan (2000) matlamat akhir Pendidikan Seni Visual adalah untuk melahirkan individu yang berilmu tentang seni serta meminati seni dan melahirkan individu yang boleh menjadi penggiat seni yang berilmu dan berakhlak serta berketerampilan dengan menguasai teknologi yang berkaitan.





Siti Fatimah Abdul Rahman menulis dalam sebuah artikel, '*Menanam Minat Terhadap Sains*' (Utusan Malaysia, 2002) menyatakan sebenarnya kejayaan atau kegagalan pelajar menguasai sesuatu subjek bukan kerana hanya terletak pada kemahiran mereka menguasai bahasa pengantar. Apa yang penting ialah minat mereka terhadap subjek tersebut. Tanpa minat, pelajar tidak akan mendalami subjek berkenaan walaupun diajar di dalam bahasa ibunda. Sebaliknya dengan minat, subjek itu akan dipelajari dengan mendalam, walau apa pun rintangannya. Jelas di sini, minat pelajar terhadap mata pelajaran yang dipelajari adalah penting untuk menentukan matlamat pengajaran dan pembelajaran tercapai sekali gus akan merealisasikan matlamat Pendidikan Seni Visual. Seterusnya akan menentukan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan terlaksana.

Dr. Isahak Haron dalam artikel, *Menerima Adunan Baru Sistem Pendidikan* dalam Utusan Malaysia bertarikh 4.10.2002, menyatakan, menguasai ilmu bererti menguasai kecekapan berfikir dan menghayati sesuatu dengan minda terbuka. Fikiran terbuka bererti bersedia untuk menguasai kecekapan mendapatkan maklumat dan pengetahuan dari pelbagai sumber, bertanya dan menyelidik, menguasai kecekapan dan menganalisisnya, menilai, mengadun maklumat secara kreatif untuk melahirkan idea atau hasil baru yang bermakna atau berguna bagi menyelesaikan masalah.

Persoalannya, dapatkah ilmu itu dikuasai dan dihayati sekiranya pelajar belajar tanpa rasa minat dan tanpa merasai keseronokan mengenainya? Justeru, apakah langkah yang harus kita lakukan untuk meningkatkan rasa minat pelajar terhadap mata pelajaran ini. Bertolak dari persoalan ini penyelidik berpendapat perlu ada satu kajian yang khusus mengenai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni yang boleh meningkatkan minat pelajar.





Penyelidik memilih apresiasi seni kerana ia melibatkan ketiga-tiga domain iaitu kognitif, efektif dan psikomotor. Ianya amat penting kepada perkembangan pembelajaran pelajar. Perubahan dari alam kanak-kanak ke alam remaja memberi satu perubahan ketara dari segi emosi, kognitif dan psikomotor pelajar. Pengalaman-pengalaman baru ini sekali gus akan membantunya membentuk konsep dan membina imaginasi dalam membentuk tanggapan-tanggapan terhadap sesuatu objek atau perkara seperti seni lukis, catan atau sebagainya. Sekiranya ia dilaksanakan dengan baik oleh guru dengan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai, ia mampu merangsang minat pelajar untuk meminati Pendidikan Seni Visual.

1.3. Tujuan Kajian

Secara umumnya kajian ini adalah untuk melihat beberapa faktor yang boleh membantu meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual khususnya bagi pelajar menengah rendah menerusi aktiviti apresiasi seni. Walau bagaimanapun, kajian ini bertujuan secara khususnya untuk mengkaji beberapa perkara antara lain ialah;

- 1.3.1 Mengenalpasti kaedah pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni yang sesuai untuk meningkatkan minat pelajar menengah rendah terhadap Pendidikan Seni Visual dan bagaimana ia dilaksanakan di sekolah.
- 1.3.2 Menjelaskan bagaimana peranan guru di dalam meningkatkan minat pelajar menengah rendah terhadap Pendidikan Seni Visual melalui proses pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni.
- 1.3.3. Memahami bagaimana pengaruh persekitaran termasuk ibu bapa, masyarakat, rakan sebaya dan media masa memainkan peranan di dalam membantu





meningkatkan minat pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual melalui proses apresiasi seni.

- 1.3.4. Menjelaskan bagaimana pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni dapat membantu meningkatkan minat pelajar menengah rendah terhadap Pendidikan Seni Visual.
- 1.3.5. Mengenalpasti apakah bahan bantu mengajar yang berkesan yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni dilaksanakan dalam usaha meningkatkan minat pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual.

1.4. Persoalan kajian

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan masalah seperti berikut:

- 1.4.1 Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni yang digunakan di sekolah-sekolah menengah khusus bagi pelajar menengah rendah untuk meningkatkan minat pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual?
- 1.4.2 Bagaimanakah guru memainkan peranan mereka semasa proses apresiasi seni dalam usaha untuk meningkatkan minat pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual?
- 1.4.3 Apakah alat, bahan bantu mengajar dan bahan-bahan pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Seni Visual semasa melaksanakan aktiviti apresiasi seni yang dapat meningkatkan minat pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual?





1.4.4 Adakah persekitaran iaitu keluarga, rakan sebaya dan media massa berperanan meningkatkan minat, pengetahuan dan komitmen pelajar semasa aktiviti apresiasi seni pelajar menengah rendah?

1.4.5 Bagaimanakah pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni boleh merangsang minat pelajar menengah rendah terhadap Pendidikan Seni Visual?

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil penyelidikan ini adalah diharap dapat memberi sumbangan kepada beberapa pihak yang terbabit di dalam menjayakan kurikulum Pendidikan Seni Visual iaitu:

1.5.1 Guru Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual

1.5.1.1 Membantu guru-guru Pendidikan Seni Visual meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni dan dapat meningkatkan minat pelajar di dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

1.5.1.2 Kajian ini diharap dapat membantu mereka mengenalpasti alat bantu mengajar yang sesuai dan mengenalpasti kaedah pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni yang paling sesuai untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah khususnya terhadap pelajar menengah rendah.

1.5.1.3 Menyusun strategi dan perancangan baru dalam bentuk bahan bantu dan corak pengajaran yang berkesan untuk pencapaian pelajar yang lebih cemerlang dan berminat dalam Pendidikan Seni Visual.

1.5.1.4 Membolehkan usaha-usaha yang berterusan di dalam memupuk minat, kemahiran dan kematangan pelajar menerusi pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni.



1.5.1.5 Mendapatkan kajian menyeluruh mengenai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran apresiasi seni pada pelajar menengah rendah.

1.5.2. Pihak Sekolah

Dapatan kajian ini juga memberi manfaat kepada pihak sekolah untuk dijadikan panduan mengatasi kelemahan pihak sekolah terutama dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan seperti bengkel, alat bantu mengajar dan alat teknologi dan maklumat seperti komputer. Pihak sekolah boleh mengatur strategi untuk meningkatkan keberkesanan kurikulum Pendidikan Seni Visual dan lebih peka dengan keperluan-keperluan yang dikehendaki dalam mencapai matlamat mata pelajaran ini.

1.5.3. Kementerian Pelajaran Malaysia

Hasil kajian ini dapat memberi maklum balas kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia tentang kepentingan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual pada peringkat sekolah serta keperluan-keperluan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini di peringkat sekolah.

1.5.4 Penyelidik Lain

Penyelidik-penyelidik yang ingin mendalami kajian yang hampir serupa boleh merujuk hasil kajian ini sebagai panduan. Sebarang kekurangan yang terdapat dalam kajian ini bolehlah diperbaiki.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini adalah mengenai apresiasi seni dalam Pendidikan Seni Visual dan bagaimana ia boleh membantu meningkatkan minat pelajar menengah rendah terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah iaitu di SMK. Wira Jaya, Ipoh, Perak dan SMK. Raja Chulan, Ipoh, Perak. Kajian hanya memberi tumpuan kepada pelajar menengah rendah iaitu tingkatan satu, dua dan tiga. Ini adalah kerana pelajar-pelajar ini tidak dipengaruhi oleh peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia. Kajian melibatkan 2 orang guru dan 4 orang pelajar sebagai responden, manakala lokasi kajian adalah di Bandaraya Ipoh kerana penduduknya terdiri daripada berbagai kaum dan mempunyai beberapa kemudahan asas yang lengkap seperti pasar raya, perpustakaan, muzium dan galeri seni. Bandaraya Ipoh juga dilihat sebagai satu bandar yang kaya dengan pelbagai kegiatan kesenian dan kraf seperti tembikar, batik, cetakan dan seni visual.

1.7. Definisi

Definisi adalah merujuk kepada maksud atau pengertian istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini bagi membantu memahami kehendak dan persoalan kajian ini. Definisi istilah adalah dirujuk sama ada dari tokoh-tokoh ataupun dari kamus.

1.7.1 Singkatan dan Istilah

1.7.1.1.	PSV	Pendidikan Seni Visual
1.7.1.3	LCD	<i>Liquid crystal display</i> (Paparan Cecair Kristal)
1.7.1.4.	ICT	<i>Information computer teknologi</i>
1.7.1.5	OHP	<i>Over Head Projector</i>



1.7.2 Definisi Istilah

1.7.2.1. Apresiasi

Apresiasi di dalam *Kamus Dewan*, Edisi 3, (2002) diberi maksud; 1. Penghargaan terhadap sumbangan jasa dan lain-lain seseorang atau sesuatu pihak. 2. Pengiktirafan serta penghayatan nilai dan lain-lain (sesuatu karya) sastera atau seni. Apresiasi dalam bahasa Inggeris “*appreciate*” ertinya menghargai atau penghargaan, penikmatan karya seni dengan adanya kefahaman yang baik. **Aristoteles** (ahli falsafah Yunani) mengatakan, pengecapan nikmat yang paling luhur adalah penikmatan intelektual, yaitu mengecapi nikmat seni tidak cukup dengan mutu karya semata-mata, tetapi dengan tinjauan mengenai selok belok karya seni yang memerlukan sesuatu kemampuan tertentu, yang berasaskan suatu pengetahuan tentang latar belakang karya seni tersebut. **Witherington** dalam *Education Psychology* mengatakan bahwa apresiasi ialah kesanggupan mengenal atau memahami suatu nilai yang terletak dalam ruang nilai yang tinggi, apresiasi adalah kesediaan untuk menerima terhadap nilai tertentu dalam setiap fasa kehidupan manusia. Dalam apresiasi berlaku tindakan menyedari, memilih bahkan rekreasi atau mencipta kembali.

1.7.2.2. Mengapresiasi

Mengapresiasi dalam kontek kajian ini bermaksud memberikan penghargaan terhadap sumbangan, jasa dan lain-lain. Menghargai, mengiktiraf dan menghayati nilai dan lain-lain sesuatu karya sastera atau seni. (*Kamus Dewan*, Edisi 3, 2002, DBP).





1.7.2.3. Seni

Seni berdasarkan *Kamus Dewan*, Edisi 3, (2002) bermaksud, 1. Halus (kecil, elok), tipis dan halus, enak didengar (suara), comel (bentuk badan). II. Karya (sajak, lukisan, muzik dan lain-lain) daripada sesuatu ciptaan. *Senilukis*; mengenai lukis melukis, seni mengenai muzik penciptaan barang-barang dengan kemahiran tangan, dan sebagainya. *Seni kreatif*, apa sahaja seni yang dapat mencipta sesuatu. *Kesenian*; perihal seni, yang berkaitan dengan seni, keindahan (kehalusan). III. Orang yang mempunyai kebolehan untuk mencipta sesuatu yang luar biasa. (*Kamus Dewan*, Edisi 3, 2002, DBP)

1.7.2.4. Apresiasi Seni

Apresiasi seni merujuk kepada satu aktiviti seperti menonton, menghayati dan merupakan salah satu bidang kritikan seni. Penghargaan atau apresiasi seni adalah satu latihan yang memerlukan penglibatan sepenuhnya deria sentuh dan pandang.

Objek-objek seperti catan dan cetakan dipandang manakala objek-objek seperti arca dan kraf disentuh. Kedua-dua deria ini menurut Dr. Zakaria Ali (1989), saling membantu agar dapat mendorong kita menikmati karya seni dengan lebih menyeronokkan. (Mohd. Johari Ab. Hamid, 2004, *Falsafah dan Kritikan Seni*, UPSI)

1.7.2.5. Meningkatkan

Meningkatkan bermaksud meninggikan kedudukan (taraf dan lain-lain): membesarkan (pengeluaran dan lain-lain) memperhebatkan. (*Kamus Dewan*, Edisi 3, 2002, DBP)

1.7.2.6. Minat

Minat dalam kajian ini merujuk kepada keinginan (kesukaan, kecenderungan) kepada sesuatu. (*Kamus Dewan*, Edisi 3, 2002, DBP)





1.7.2.7. Pendidikan

Pendidikan dalam bahasa Inggeris ialah *education*. Perkataan ini berasal daripada perkataan Latin *educare* yang mempunyai makna memelihara, membimbing atau mengasuh kanak-kanak. Dalam konteks pengertian yang lebih luas, pendidikan dapat difahami sebagai satu proses dengan kaedah-kaedah yang tertentu sehingga seseorang memperoleh pengetahuan, pemahaman, tingkah laku amalan yang sesuai dengan keperluan serta kehendak golongan yang melaksanakan pendidikan. (Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Osman, 2003)

1.7.2.8. Pendidikan Seni Visual

Pendidikan Seni Visual adalah satu program yang bersistem, terancang dan prestasinya boleh diukur bagi memenuhi keperluan individu. Feldman (1996) memberikan definisi Pendidikan Seni sebagai usaha yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran membuat dan memahami seni, di samping mengetahui tentang dunia dan diri kita sendiri melalui seni. Pendidikan Seni di sini bermaksud seni visual yang meliputi catan, arca, seni bina dan kraf. Disiplin ini mengkaji fungsi dan bentuk setiap objek yang kita hasilkan. Pendidikan seni merangkumi pelbagai kaedah yang digunakan dalam menghasilkan seni, mempelajari sejarah dan antropologi seni, membezakan makna seni dan melihat nilai hasil seni individu.

(Mohd. Nasir Ibrahim dan Iberahim Hassan, 2003)

1.7.2.9. Persekitaran

Persekitaran di dalam kajian ini merujuk kepada keadaan atau suasana di sekeliling yang menjadi latar belakang kepada seseorang. Suasana atau keadaan persekitaran ini boleh mempengaruhi sahsiah dan tingkah laku individu (*Kamus Dewan*, Edisi 3, 2002, DBP)





1.7.2.10. Pembelajaran

Pembelajaran adalah merupakan sesuatu proses atau kegiatan belajar iaitu suatu usaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan atau kepandaian terhadap sesuatu perkara melalui bimbingan, panduan dan latihan yang diterima. (*Kamus Dewan*, Edisi 3, 2002.DBP)

1.7.2.11. Pengajaran

Pengajaran adalah merujuk kepada, 1. perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar (seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan, dan lain-lain). 2. Segala sesuatu (cara, perbuatan, dan lain-lain) yang diajarkan. (*Kamus Dewan*, Edisi 3, 2002. DBP)

1.7.2.12. Menengah Rendah

Menengah rendah adalah merujuk kepada pelajar-pelajar di tingkatan satu, dua dan tiga. Iaitu dalam lingkungan usia 13 hingga 15 tahun.



1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya bab ini adalah merumuskan mengenai latar belakang kajian iaitu permasalahan kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Secara keseluruhannya ia adalah bertujuan untuk memperlihatkan gambaran sebenar kajian yang ingin dijalankan serta rasional-rasional mengapa kajian ini perlu dijalankan, apakah faedah-faedahnya dan mengapa kajian ini perlu dijalankan.

